

02 OCT 2000

Mahathir-Blair/I

MAHATHIR TEMUI BLAIR SEMASA LAWATAN KE LONDON

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui Perdana Menteri Britain, Tony Blair semasa lawatan 10 hari beliau ke Britain mulai esok.

Dr Mahathir, yang akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan juga mengadakan pertemuan dan berdialog dengan kumpulan intelek dan profesional Islam, anggota Persatuan Malaysia-United Kingdom dan penuntut Malaysia di Manchester.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, Dr Mahathir akan menghadiri dua persidangan, satu daripadanya ialah Persidangan Perkongsian Malaysia-Britain Bagi Abad ke-21 dan akan menyampaikan ucap utamanya.

Persidangan itu yang diadakan sempena mesyuarat tahunan Majlis Perniagaan Malaysia-Britain, dianjurkan bersama oleh Institut Strategi Dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Asia House London.

Kira-kira 60 pemimpin sektor perniagaan Malaysia dijangka menghadiri persidangan peringkat tinggi itu yang akan dibuka oleh Setiausaha Negara Bagi Perdagangan Dan Industri Britain Stephen Byers.

Dr Mahathir akan juga menghadiri majlis makan malam yang diadakan oleh Kerajaan Britain di Lancaster House yang bersejarah itu bersempena persidangan berkenaan.

Antara pemimpin sektor perniagaan Malaysia yang akan menghadiri persidangan itu dan mesyuarat Majlis Perniagaan Malaysia-Britain ialah Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi kumpulan bank Arab-Malaysia, Datuk Radzi Mansor, pengerusi Telekom Malaysia Bhd dan Tan Sri Francis Yeoh, pengarah urusan YTL Corporation.

Satu lagi persidangan yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri bertajuk "Malaysia Di Alaf Baru" anjuran Persatuan Universiti Cambridge Malaysia.

Dr Mahathir dijangka pulang pada 12 Okt.

-- BERNAMA

SR ZS RM NMO